

KELAB PENYELIDIK MUDA UniMAP (EYReC)

CEMERLANG DI INVENTION, INNOVATION & DESIGN (IID KEDAH 2010)

ENVEY Young Researcher Club (EYReC) sekali lagi telah mengharumkan nama UniMAP di peringkat kebangsaan apabila telah berjaya menggondol 15 pingat secara keseluruhannya bagi pertandingan Invention, Innovation & Design (IID Kedah 2010), bertempat di SP INN, Kedah anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah yang berlangsung pada 28 hingga 29 Julai 2010.



Untuk penyertaan julung kali ini, UniMAP telah menghantar 19 produk yang telah dihasilkan oleh barisan penyelidik muda universiti dan juga dari kalangan staf. Penyertaan oleh pelajar UniMAP dalam pertandingan ini adalah bertujuan bagi mencungkil bakat-bakat muda dalam bidang rekabentuk dan rekacipta. Selain itu, ia juga turut mengenengahkan idea serta inovasi ke peringkat yang lebih tinggi. Pertandingan ini juga turut menyokong cita-cita dan hasrat kerajaan untuk memacu pembangunan negara melalui penekanan kepada usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi.

Program yang berlangsung selama 3 hari ini menyaksikan penyelidik-penyelidik muda yang terdiri daripada pelajar tahun 2 dan tahun akhir paling banyak memenangi pingat dengan 3 Emas, 3 Perak dan 1 Gangsa. Emas kategori pelajar universiti dimenangi melalui Intan Fazlana Fauzi dengan penyelidikan CdTe Solar Cell, Siti Nadherah Binti Mohamad, Mohd Azrie Bin Awang, Taufiq Aminullah Bin Mokhtar, Nur Azira Iqlima Binti Azmi bagi Production Of Bioethanol From Paddy Straw dan Hanis Azimah Mohd Bokeri, Alida Abdullah dengan Plast-Shred Paper Composite. Dalam pada itu juga dua produk daripada pelajar UniMAP dianugerahkan Booth Terbaik kategori Perak melalui produk Stress Cooler dan Abelmoschus Esculentus As A Flocculant To Remove Turbidity In Wastewater.



Berikut adalah Keputusan Rasmi IID Kedah 2010:

Bil	Penyelidik	Pusat Pengajian	Penyelidikan	Medal
1.	Intan Fazlana Fauzi, Roslin Jamaludin, Dr Mukhtaar Mohamad Shahimis (P)	Mikroelektronik	CdTe Solar Cell	EMAS
2.	Siti Nadherah Binti Mohamed, Mohd Azrie Bin Awang, Taufiq Aminullah Bin Mokhtar, Nur Azira Iqlima Binti Azmi, Pu Syazni Binti Zamul Karim (P)	Bioproses	Production Of Bioethanol From Paddy Straw	EMAS
3.	Hanis Azimah Mohd Bokeri, Alida Abdullah, PM Che Mohd Ruzaidi Ghazali (P) Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah (P)	Bahan	Plast-Shred Paper Composite	EMAS
4.	Haniff Mohammad Mohiddin, Aini Syuheda Md Zain (P)	Komputer & Perhubungan	RFID Healthcare Item Tracking System (HITS)	PERAK
5.	Nur Athirah Mat Lazim, Muhammad Ezzanuddin Bin Abdul Aziz, Dr Mohd Fareq Bin Abd Malek (P)	Komputer & Perhubungan	Super Vegetables	PERAK
6.	Anie Nadhirah Ismail, Mohammad Tamizi Selimin, Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah (P) PM Che Mohd Ruzaidi Ghazali (P)	Bahan	Lightweight Concrete With Bentonite Ash	PERAK
7.	Wan Nurhazirah Binti Kamaruzaman, Nur Izzati Binti Mohamad Sobri, Mazni Binti Zakaria, Khairul Anuar Bin Hussain, Nur Liyana Binti Ariffin	Alam Sekitar	Styrene Solve	GANGSA
8.	Amad Faizal Mador, Adi Hassan Bin Abdul Rahman, Jackline Medan Anek Ikong, Arvin Anak David Mlieg, Muhammad Fitri Bin Daud	Alam Sekitar	Stress Cooler	BOOTH TERBAIK PERAK
9.	Nurul Najihah Binti Jamil, S iti Aminah Binti Md Saad, Nurul Farihana Binti Mhd Noor, Che Rohaya Binti Saad, Nor Fitriza Binti Hashim	Alam Sekitar	Abelmoschus Esculentus As A Flocculant To Remove Turbidity In Wastewater	BOOTH TERBAIK PERAK